



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 26

19hb Disember 1991

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

Phg. P.U. 7.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH MARAN) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Akta 171, Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Maran membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihakberkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Maran) 1991** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Maran.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

2. Tiada seorangpun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis Daerah Maran bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Maran (kemudian daripada ini disebut "Majlis") yang mana fee lesennya adalah seperti ditetapkan dalam Jadual kepada Undang-Undang Kecil ini:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh mengikut budibacaranya yang mutlak mengurangkan fee lesen mana-mana premis dengan tidak lebih daripada setengah kadar yang ditetapkan untuk tred, perniagaan dan perindustrian yang berkenaan jika pada pendapatnya adalah patut dikurangkan.

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

Lesen.

Permohonan
untuk men-
dapatkan
lesen.

3. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk pengeluaran atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau, bagi sesuatu perbadanan atau firma, menghendaki seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir, semasa lesen dikeluarkan atau dibaharui.

Bentuk lesen.

4. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Sahnya lesen.

5. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31hb Disember berikut daripada tarikh berkuatkuasa dan hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Pindah milik
lesen.

6. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen dan jika dipohon oleh pemegangnya, Majlis boleh membenarkan lesen itu dipindah milik kepada orang lain.

(2) Fee pindah milik ialah dua puluh peratus daripada fee lesen dalam Jadual.

Kebersihan.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara tempat atau premis berlesennya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Mengadakan
tong sampah.

8. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.

Karung plastik.

9. Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

Pelupusan
sampah.

10. Semua sampah-sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Menumpahkan
bahan
mengganggu.

11. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggokkan, ditumpahkan atau diserakkan ke dalam longkang atau ke atas lain-lain tempat awam atau persendirian.

Bekalan air.

12. Di tempat atau premis berlesen itu hendaklah ada bekalan air dari paip yang disambungkan ke sesalur air bekalan air awam.

Jamban pam
dan tempat
buang air
kecil.

13. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara dalam keadaan baik bilik mandi, jamban pam, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan yang cukup bilangannya hingga memuaskan hati Majlis.

14. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk mempastikan bahawa pencahayaan secukupnya diadakan hingga memuaskan hati Majlis dan jika pencahayaan asli tidak mencukupi, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan buatan. Pencahayaan.
15. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk mempastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat atau premis berlesen hingga memuaskan hati Majlis dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara itu dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan. Ganti udara.
16. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk mempastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku. Bersesak-sesak tidak dibenarkan.
17. Majlis boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Majlis berpendapat kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidak mencukupi. Penyediaan bilik mes, dsb.
18. Pemegang lesen hendaklah mempastikan—
 (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Majlis;
 (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan disenggarakan; dan
 (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas daripada segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang. Pencegahan kebakaran.
19. (1) Simen atau larutan mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang rekabentuknya telah mendapat kelulusan. Bahan-bahan mudah terbakar.
 (2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 22.80 Celsius disimpan dalam kuantiti yang lebih daripada 45 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis.
20. Semua bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya. Penyetoran.
21. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan pembakaran bahan-bahan pembakar atau sampah-sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Majlis. Pembakaran.

- Penyebaran abuk, dsb.**
22. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti abuk, wap asap, wap, haba gas, radiasi, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga dari tempat atau premis berlesennya yang pada pendapat Majlis adalah suatu kacauganggu atau yang mencemarkan udara.
- Bising.**
23. Pemegang lesen semasa menjalankan trednya tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacauganggu.
- Waktu menjalankan perniagaan.**
24. Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tidak dibenar dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.
- Kuasa untuk masuk memeriksa**
25. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sepenuhnya oleh Majlis boleh—
- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang dipercayai dengan munasabahnya oleh pegawai itu sebagai digunakan bagi maksud tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini;
 - (b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.
- Penalti.**
26. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

JADUAL
(Undang-undang kecil 2)

<i>Bil.</i>	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Fee Lesen Setahun</i>		
		<i>Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>	
1.	Akuarium:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	\$ 84.00	\$ 60.00	
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00	84.00	
2.	Merebus ofal, darah atau tulang	180.00	120.00	
3.	Kedai basikal atau penjual basikal dan kedai membaiki basikal:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00	

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun		
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	\$ 120.00	\$ 84.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00	120.00	
4.	Menjalankan tred tukang besi	100.00	80.00	
5.	Menjalankan tred tukang ayan	84.00	60.00	
6.	Menyembur selulus	180.00	120.00	
7.	Mengumpul atau menyetor surat khabar, tin, kepuk, botol, kain buruk, tilam, guni, bulu atau barang-barang buruk	180.00	120.00	
8.	Membuat kusyen, membuat pakaian, penjual hiasan rumah, kedai permaidani, mainan atau bunga plastik:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	180.00	120.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00	168.00	
9.	Menjalankan tred membaiki, mengelat kenderaan motor	240.00	168.00	
10.	Membina badan kenderaan motor	360.00	252.00	
11.	Mencelup atau mencetak batik/fabrik	120.00	84.00	
12.	Menyimpan atau menyetor arang batu, kayu, arang kok, atap, rumput kering, jerami atau lain-lain bahan berbahaya yang mudah terbakar	180.00	120.00	
13.	Kedai farmasi atau kedai ubat/ ahli kimia:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	180.00	120.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	360.00	252.00	
14.	Gedung, emporium, pakaian siap, tekstil, dagangan am:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	96.00	60.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	120.00	84.00	
	(c) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 209 meter persegi	240.00	168.00	

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun	
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis
	(d) luas lantai di antara 210 meter persegi sehingga 279 meter persegi	\$ 600.00	\$ 420.00
	(e) luas lantai melebihi 279 meter persegi	900.00	636.00
15.	Sekolah tarian/muzik/peragaan/seni	100.00	70.00
16.	Kerja sadur elektrik	180.00	120.00
17.	Kedai Empat Nombor Ekor	800.00	564.00
18.	Kedai elektrik dan elektronik:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	240.00	168.00
	(c) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	360.00	252.00
	(d) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
19.	Kerja kejuruteraan elektrik dan kejenteraan:		
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00	120.00
	(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	240.00	168.00
	(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00	252.00
20.	Agensi pekerjaan, agensi pelancongan, agensi teman sosial:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00	120.00
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00	168.00
21.	Kedai penjual bunga dan pokok pasu	120.00	84.00
22.	Kerja Bengkel:		
	(a) luas lantai sehingga 186 meter persegi	180.00	120.00
	(b) luas lantai di antara 187 meter persegi hingga 279 meter persegi	240.00	168.00
	(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00	252.00
23.	Kedai fesyen/butik	180.00	120.00
24.	Garaj	204.00	144.00

Lesen Setahun

<i>Maran, Sg. m usat</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>	<i>Bil.</i>	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Fee Lesen Setahun</i>	
				<i>Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>
\$ 420.00		25.	Mencanai kaca, membuat cermin dan barang-barang kaca:		
636.00		(a)	luas lantai sehingga 140 meter persegi	\$ 180.00	\$ 120.00
70.00		(b)	luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00	168.00
120.00		26.	Memotong kaca/membingkai gambar:		
564.00		(a)	luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
84.00 ✓		(b)	luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00	168.00
168.00		27.	Gudang:		
252.00		(a)	luas lantai sehingga 140 meter persegi	120.00	84.00
336.00		(b)	luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	180.00	120.00
120.00		(c)	luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00 ✓	252.00
168.00		28.	Sewa barang-barang rumah	120.00	84.00
252.00		29.	Kedai besi atau barang logam:		
120.00		(a)	luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
168.00		(b)	luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00	168.00
252.00		(c)	luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00	252.00
120.00		(d)	luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00 ✓
168.00		30.	Pemasangan penyaman udara di kereta	204.00	144.00
84.00		31.	Kilang mengait/menunun, membuat fabrik tekstil, kilang pakaian dan membuat barang-barang daripada tekstil:		
120.00		(a)	luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00	168.00
168.00		(b)	luas lantai melebihi 140 meter persegi	480.00	336.00
84.00		32.	Dobi dan cuci kering	140.00	96.00
120.00		33.	Membuat bata, tembikar atau kapur, genting, arang batu	240.00	168.00
168.00		34.	Kilang baja ikan atau baja-baja lain	240.00	168.00
84.00		35.	Mengilang bekas-bekas dengan menggunakan jentera	240.00	168.00
120.00		36.	Mengilang gas mudah terbakar, atau loji LPG	240.00	168.00
168.00		37.	Loji pemasangan kenderaan motor dan jentera	1,000.00	700.00

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun	
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis
38.	Mengilang, mengawet atau menyetor tembakau:		
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	\$ 240.00	\$ 168.00
	(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	480.00	336.00
	(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	960.00	640.00
39.	Mengilang dan/atau menyetor keluaran kertas	720.00	480.00
40.	Mengilang cat	720.00	480.00
41.	Mengilang bateri	720.00	480.00
42.	Mengilang barang-barang kulit	180.00	120.00
43.	Membuat iklan, papan tanda, pertukangan papan tanda:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00	168.00
44.	Peniaga motokar/lori/bas/traktor/forklift:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00	168.00
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	480.00	336.00
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	720.00	480.00
45.	Peniaga motosikal dan/atau motoskuter:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00	120.00
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	240.00	168.00
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	360.00	252.00
46.	Mengilang atau menyetor colok:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00	84.00
47.	Mengilang atau membuat semula barang-barang daripada aluminium, tembaga, besi, timah putih, keluli atau logam-logam lain tidak termasuk emas, berlian dan perak:		
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	120.00	84.00

<i>Jin-lain jawasan Majlis</i>	<i>Bil.</i>	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Fee Lesen Setahun</i>	
			<i>Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>
168.00		(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	\$ 240.00	\$ 168.00
336.00		(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
640.00	48.	Mengilang barang-barang daripada rotan	180.00	120.00
80.00	49.	Mengilang barang-barang daripada simen atau batu:		
80.00		(a) luas lantai sehingga 929 meter persegi	180.00	120.00
80.00		(b) luas lantai di antara 930 meter persegi hingga 1,858 meter persegi	240.00	168.00
20.00		(c) luas lantai melebihi 1,858 meter persegi	480.00	336.00
84.00	50.	Mengilang plastik atau barang-barang daripada bahan-bahan plastik atau lain-lain bahan yang sama:		
68.00		(a) luas lantai sehingga 279 meter persegi	240.00	168.00
88.00		(b) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
36.00	51.	Mengilang ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut, minyak rambut, syampu:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00	168.00
0.00		(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	480.00	336.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	720.00	480.00
3.00	52.	Mengilang asid, alkali, pelarut, damar, pelekat, baja, racun serangga, racun makhluk perosak, umpan kimia dan kimia-kimia lain	600.00	420.00
0.00	53.	Kedai alat-alat/kelengkapan muzik:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00	168.00
0.00		(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	360.00	252.00
0.00	54.	Mengilang ubat dan keluaran-keluaran farmasi	720.00	480.00
0.00	55.	Mengilang keluaran-keluaran getah secara borong	500.00	360.00
0.00	56.	Sekolah-sekolah persendirian, institut, tadika dan lain-lain pertubuhan pelajaran komersial	180.00	120.00

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun		
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis	
57.	Menjual keluaran getah secara runcit	\$ 120.00	\$ 84.00	
58.	Kedai cermin mata:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00	120.00	
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00	168.00	
59.	Percetakan:			
	(a) luas lantai sehingga 186 meter persegi	180.00	120.00	
	(b) luas lantai melebihi 186 meter persegi	240.00	168.00	
60.	Stesen mengisi petrol	180.00	120.00	
61.	Stesen mengisi petrol dan servis	200.00	140.00	
62.	Kedai binatang kesayangan:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00	
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00	84.00	
63.	Tempat semaihan tumbuhan:			
	(a) luas lantai sehingga 929 meter persegi	120.00	84.00	
	(b) luas lantai melebihi 929 meter persegi	240.00	168.00	
64.	Kedai pajak gadai, tukang emas dan batu permata:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00	120.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	300.00	204.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	480.00	336.00	
65.	Memproses apa-apa logam (emas, berlian, permata, perak dan lain-lain):			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00	168.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	480.00	336.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	720.00	480.00	
66.	Pembersihan logam-logam berharga melalui proses asid	240.00	168.00	
67.	Stor rotan	120.00	84.00	
68.	Mengilang, memperbaiki dan membuat semula atau menjual oven, penyaman udara dan/atau peti sejuk:			
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00	168.00	

	Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun	
			Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis
4.00		(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	\$ 360.00	\$ 252.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
8.00	69.	Dobian wap	140.00	96.00
0.00	70.	Menyiat kulit atau mengeluarkan isi perut binatang	180.00	120.00
0.00	71.	Menyetor atau memproses getah:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00	168.00
0.00		(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	360.00	252.00
0.00	72.	Menyetor asitilin, oksigen dan lain-lain gas yang serupa	180.00	120.00
0.00	73.	Menyetor kelapa kering	180.00	120.00
0.00	74.	Menyetor, menyimpan atau memperniagakan apa-apa ikan reput atau lain-lain komoditi yang biasa dikenali sebagai "ikan jeruk"	120.00	84.00
0.00	75.	Barang ganti dan alat tambah:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
0.00		(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	240.00	168.00
0.00		(c) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	360.00	252.00
0.00		(d) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
0.00	76.	Menyetor cat:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00	120.00
0.00		(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	360.00	252.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
0.00	77.	Kedai alat tulis buku/jilidan buku:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00
0.00		(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	180.00	120.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00	168.00
0.00	78.	Menjual dan mengecas bateri	120.00	84.00

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun		
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis	
79.	Kedai menjual barang-barang tembikar, kaca, pinggan-mangkuk, barang-barang aluminium, perak, pewter, plastik dan kutleri:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	\$ 84.00	\$ 60.00	
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	120.00	84.00	
	(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00	120.00	
80.	Menyetor dan/atau menjual barang-barang kulit:			
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00	120.00	
	(b) luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00	168.00	
81.	Menyetor LPG lebih daripada 227 kg.	120.00	84.00	
82.	Menyetor minyak diesel lebih daripada 2,273 liter	120.00	84.00	
83.	Kedai gambar, kedai menjual alat fotografi dan menyetor filem:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00	
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00	84.00	
84.	Menjual alat sains/jitu	180.00	126.00	
85.	Menjual alat solek: ✓			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00	
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00	168.00	
86.	Menjual alat pejabat	180.00	120.00	
87.	Menyetor besi buruk	240.00	168.00	
88.	Menyetor kalsium karbid:			
	(a) untuk maksud runcit	96.00	60.00	
	(b) untuk maksud borong	180.00	120.00	
89.	Menjual enjin, jentera dan alat:			
	(a) luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00	120.00	
	(b) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	240.00	168.00	
	(c) luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00	252.00	
90.	Kedai barang-barang sukan:			
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00	60.00	

			<i>Fee Lesen Setahun</i>	
	<i>Bil.</i>	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>
		(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	\$ 120.00	\$ 84.00
		(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00	120.00
50.00	91.	Menjual atau menyewa rekod, pita, kaset, katrij dan pita video:		
34.00		(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00 ✓	120.00
20.00		(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	240.00	168.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	360.00	252.00
0.00	92.	Kedai Sports Toto	480.00	336.00
8.00	93.	Menyetor mancis lebih daripada 2 peti berisi 1,200 kotak tiap-tiap satu dan lebih	72.00	48.00
4.00	94.	Mencair lemak binatang, membuat glu atau lilin	200.00	140.00
4.00	95.	Kilang kulit	180.00	120.00
0.00	96.	Mencelup semula tayar dan kerja-kerja alat vulkanii	360.00	252.00
0.00	97.	Kedai Tiga Nombor Ekor	480.00	336.00
0.00	98.	Mencuci sagu atau membuat tepung sagu	30.00	24.00
0.00	99.	Kerja-kerja kimpalan:		#/-
0.00		(a) luas lantai sehingga 279 meter persegi	300.00	216.00
0.00		(b) luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00	336.00
0.00	100.	Kedai jam tangan dan/atau jam:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 47 meter persegi	120.00	84.00
0.00		(b) luas lantai di antara 48 meter persegi hingga 140 meter persegi	180.00	120.00
0.00		(c) luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00	168.00
0.00	101.	Jika premis adalah sementara dan telah dibina oleh Majlis atau oleh mana-mana badan berkanun atau dibina oleh mana-mana orang dan diluluskan oleh Majlis untuk dilesenkan khas di bawah butiran ini:		
0.00		(a) luas lantai sehingga 19 meter persegi	60.00	48.00
0.00		(b) luas lantai melebihi 19 meter persegi	96.00	60.00

Bil.	Jenis-jenis Lesen	Fee Lesen Setahun	
		Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka	Lain-lain Kawasan Majlis
102.	Lesen untuk apa-apa proses lain yang dikira merosakkan kesihatan atau merbahaya kepada nyawa	\$ 180.00	\$ 120.00
103.	Menjual apa-apa barang yang tidak diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00	84.00
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	180.00	120.00
104.	Apa-apa tred lain yang tidak diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini:		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00	120.00
	(b) luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	240.00	168.00
	(c) luas lantai di antara 141 meter persegi hingga 279 meter persegi	480.00	336.00
	(d) luas lantai melebihi 279 meter persegi	900.00	636.00
105.	Lesen untuk apa-apa pengilangan atau perniagaan lain yang darinya terbit bau yang mengganggu atau tak menyenangkan atau yang menyebabkan bunyi keterlaluan	180.00	120.00
106.	Ghi: 4- Perniagaan runcit dalam premis berlesen: <i>Posoraya, ade kudai di mya</i>		
	(a) luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00 ✓	60.00
	(b) luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00	84.00 ↙
107.	Penyimpanan barang-barang oleh syarikat-syarikat pengangkutan	240.00	168.00
108.	Kedai menyetor dan menjual tayar	240.00	168.00
109.	Penyediaan atau pengilangan air (Aerated, Carbonated and Medicinal and Mineral Water)	600.00	420.00
110.	Mengilang perabot:		
	(a) luas lantai sehingga 279 meter persegi	240.00	168.00
	(b) luas lantai di antara 280 meter persegi hingga 465 meter persegi	360.00	252.00

<i>Bil.</i>	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Kawasan Maran, Sri Jaya, Sg. Jerik dan Bandar Pusat Jengka</i>	<i>Lain-lain Kawasan Majlis</i>
(c)	luas lantai di antara 466 meter persegi hingga 929 meter persegi	\$ 480.00	\$ 336.00
(d)	luas lantai melebihi 929 meter persegi	720.00	480.00
Diperbuat pada 26hb Oktober 1988. [MDM/LAW/001.]			
ALI BIN HAJI AHMAD, <i>Yang Dipertua,</i> <i>Majlis Daerah Maran</i>			
Disahkan pada 14hb Ogos 1991. [SUK. Phg. KT. 5485 Sj. 2.]			
ABU HASSAN BIN HAJI SAIDIN <i>Setiausaha,</i> <i>Majlis Mesyuarat Kerajaan</i> <i>Pahang</i>			

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES
(MARAN DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1991

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Maran District Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

1. (1) These By-laws may be cited as the **Licensing of Trades, Businesses and Industries (Maran District Council) By-Laws 1991** and shall apply only to the Maran District Council area.

(2) These By-laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

2. No person shall use any place or premises within the Maran District Council area for any trade, business or industries without a licence in that behalf issued by the Maran District Council (hereinafter referred to as "the Council") of which fees are as prescribed in the Schedule to these By-laws:

Provided that the Council may in its absolute discretion reduce the licence fee of any premises by not more than half the prescribed rate for the relevant trade, business, and industries if in its opinion it is justifiable to do so.

3. (1) Every application for a licence shall be made in writing to the Council in such forms as the Council may determine.

Citation,
application
and
commencement

Licence

Application for licence